



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

---

Isnin, 11 November 2019

Untuk Siaran Segera

### KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

#### CADANGAN PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG PULAU TIOMAN, PAHANG

Merujuk kepada kenyataan yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar Pahang dalam akhbar digital Berita Harian bertarikh 4 November 2019 (Isnin) dan dalam laman Facebook rasminya mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Pulau Tioman, Rompin, Pahang, Kementerian Pengangkutan ingin menjelaskan bahawa cadangan tersebut akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) sebelum pihak Kementerian membuat pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan tersebut.

Sehubungan itu, sehingga kini, tiada sebarang keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan berhubung pelaksanaan projek ini.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**11 November 2019**

- TAMAT -